

03/08/2002

Mahathir enggan dedah negara rebut pelaburan

LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad enggan mendedahkan identiti negara yang dikatakannya merebut satu pelaburan besar ke Malaysia dengan menawarkan AS\$200 juta (RM760 juta) kepada syarikat terbabit.

"Tak tahu, saya tak bagi identiti dia," kata Perdana Menteri kepada wartawan yang cuba mendapatkan butiran mengenai negara yang dimaksudkan itu.

Ditanya apakah beliau merujuk kepada negara jiran, Dr Mahathir sekadar berkata beliau tidak tahu.

"Saya tidak tahu...saya tidak akan menyatakan apa-apa," katanya sebelum sesi dialog perkongsian pintar antarabangsa Global 2002-Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) disambung semula petang ini.

Semalam, dalam ucapan perasmiannya bertajuk 'Kepaduan Sosial Dalam Menentang Keganasan Ekonomi', Dr Mahathir mendedahkan tindakan negara terbabit yang disifatkannya sebagai keganasan ekonomi terhadap Malaysia.

Beliau berkata, negara kaya berkenaan berjaya menghalang sebuah syarikat daripada melabur di Malaysia dengan menawarkan AS\$200 juta dan keistimewaan lain yang tidak mungkin dapat ditawarkan negara.

"Malaysia tidak mungkin boleh menawarkan insentif sedemikian," katanya.

Dalam ucapan hampir sejam di hadapan kira-kira 450 peserta, termasuk 19 ketua kerajaan asing, Perdana Menteri menyentuh mengenai kepincangan ekonomi moden atas nama globalisasi dan sikap berat sebelah kepada negara membangun dan miskin.

Katanya, negara kaya kini menyediakan tanah dan modal percuma kepada syarikat asing termasuk dari negara membangun bagi menarik mereka mendirikan kilang di sana.

Beliau berkata, negara membangun hari ini tidak berupaya melindungi diri masing-masing daripada tekanan yang dibawa oleh keganasan ekonomi ini.

"Mereka menghadapi keganasan ekonomi sama seperti dunia sekarang menghadapi ancaman serangan penganas," katanya.

Perdana Menteri berkata, tidak seperti ancaman serangan penganas, keganasan ekonomi dilihat sebagai satu tindakan yang tidak salah dan perlu disokong oleh semua pihak, termasuk negara membangun sendiri.